



PELUANG KERJAYA BERSAMA MARA

Majlis Amanah Rakyat (MARA) mempelawa warganegara Malaysia yang mempunyai ciri-ciri modal insan yang berilmu, berkeyakinan, berintegriti, berfikiran kreatif, berinovatif, bersikap komited dan berkeperibadian cemerlang untuk mengisi kekosongan jawatan secara **kontrak** di pusat pentadbiran MARA.

BIL.	JAWATAN	GAJI MINIMUM	GAJI MAKSIMUM
1	PEGAWAI UNDANG-UNDANG (GRED L41)	RM 2,418.00	RM 9,607.00

SYARAT LANTIKAN :

1. Warganegara Malaysia; dan
2. Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
3. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan; dan

4. (i) Ijazah Sarjana Muda Undang-undang yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00); atau
- (ii) Sijil Amalan Guaman.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00); atau
- (iii) *Barrister-at-law-England*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00); atau
- (iv) *Solicitor of the Supreme Court of Judicature of England* atau *Solicitor of the Senior Courts of England and Wales* daripada *Solicitor Regulation Authority*.
(Gaji permulaan ialah pada Gred L41 : RM2,418.00).

5. Peningkatan Secara Lantikan

5.1 Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Pegawai Undang-Undang atau Jurubahasa Gred LA29/30, LA32, LA38, LA40 layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Pegawai Undang-Undang Gred L41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan :

- i. Mempunyai kelayakan di perenggan 4; dan
- ii. Had umur pelantikan :
 - a. Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - b. Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - c. Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun.

TARAF JAWATAN:

Kontrak

SYARAT-SYARAT SKIM PERKHIDMATAN:

Pemohon yang memasuki perkhidmatan jawatan di atas adalah tertakluk kepada syarat-syarat skim perkhidmatan berkenaan yang sedang berkuat kuasa serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERMOHONAN DAN KAEDAH PELAKSANAAN

- i. Permohonan hendaklah dibuat secara **dalam talian / online** melalui **pautan yang sah** sahaja seperti berikut :
 - a. Portal rasmi **MARA** iaitu www.mara.gov.my,
 - b. Facebook (<https://www.facebook.com/MajlisAmanahRakyat>),
 - c. Instagram (<https://www.instagram.com/majlisamanahrakyat>) dan
 - d. Twitter (<https://twitter.com/maragov>).
- ii. Hanya permohonan lengkap yang dibuat secara dalam talian / online dan pautan yang sah sahaja yang akan diterima. Permohonan yang lewat diterima atau tidak mematuhi syarat yang dinyatakan akan ditolak.
- iii. Semua permohonan yang diterima akan ditapis dan disaring berasaskan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan dan mengikut kelayakan yang dinyatakan.
- iv. Pemohon yang melepasi saringan sahaja yang akan dipanggil untuk menghadiri temu duga.

- v. Mereka yang tidak dihubungi dalam masa enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan hendaklah menganggap permohonan mereka sebagai tidak berjaya.
- vi. Semakan pengiktirafan kelayakan ijazah boleh dibuat melalui laman sesawang **Kementerian Pendidikan Tinggi** iaitu: **www2.mqa.gov.my/esisraf**.
- vii. Tarikh tutup permohonan iklan jawatan adalah pada **19 Disember 2022**.

**PENGARAH
BAHAGIAN SUMBER MANUSIA MARA
TINGKAT 18, IBU PEJABAT MARA
21, JALAN MARA
50609 KUALA LUMPUR**

**Keusahawanan
& Pendidikan *Global*
"Amanah Rakyat"**